

Malaysia bentang kaedah percepat AEC

KUALA LUMPUR 22 Ogos - Malaysia akan membentangkan kertas cadangan pelaksanaan bagi mewujudkan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) menjelang tahun 2015 sebelum Sidang Kemuncak ASEAN, ke-13 di Cebu, Filipina pada bulan Disember ini.

Kertas cadangan itu akan dihantar kepada Sekretariat ASEAN terlebih dahulu bagi diperhalusi, seterusnya dipertimbang untuk dibentangkan kepada para pemimpin dan ketua negara ASEAN pada sidang kemuncak berkenaan, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Katanya, sebagai permulaan, segala jurang perbezaan di kalangan negara-negara anggota perlu diperkecilkan untuk membolehkannya bergerak ke hadapan.

"Malaysia bercadang untuk mempercepat kewujudannya dan Malaysia akan membentangkan kertas (pelaksanaan) bagaimana ia boleh dilakukan," katanya kepada pemberita pada Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) ke-38 di sini hari ini.

Enam negara ASEAN telah bersetuju kepada tahun 2015 daripada perancangan awal tahun 2020 kecuali Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam yang diberikelonggaran terhadap pelaksanaan komuniti itu.

Sebaik sahaja AEM mengesahkan untuk mempercepatkan tarikh pengwujudan AEC, perkara tersebut akan dipanjangkan

kepada ketua-ketua negara pertubuhan itu pada Sidang Kemuncak ASEAN akan datang.

Rafidah yang juga Pengerusi AEM berkata, kertas tersebut akan menjelaskan apa yang telah dan sedang dilakukan serta tindakan yang harus diambil bagi merealisasikan hasrat tersebut.


"Kita akan tahu sama ada kita boleh menyiapkannya (pada masanya). Buat masa sekarang, kami yakin ia boleh dibuat," kata Rafidah.

Katanya, negara-negara anggota sebenarnya telah melaksanakan banyak inisiatif untuk merealisasikan AEC menjelang tahun 2015 tetapi terdapat beberapa bidang yang perlu diperhalusi seperti liberalisasi perdagangan.

Biarkan bergerak ke hadapan. Kita akan cuba memenuhi jurang yang ada (isu yang perlu ditangani antara tahun 2015 dan tahun 2020)," katanya.

Terdahulu, sebuah jawatankuasa tinggi dilaporkan akan membuat cadangan kepada Sekretariat ASEAN mengenai mekanisme untuk mempercepatkan pelaksanaan AEC.

Yong pada majlis yang sama menyatakan AEM secara asasnya bersetuju memberikan kelonggaran kepada empat anggota baru pertubuhan serantau itu iaitu Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam, untuk menyertai AEC mengikut kesesuaian masa serta tahap keupayaan mereka sendiri.



MENTERI-Menteri Ekonomi ASEAN berbincang pada mesyuarat ke-38 yang dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz di Kuala Lumpur, semalam.

Kelonggaran itu sekali gus mengurangkan antara halangan paling besar yang

dihadapi oleh ASEAN untuk melaksanakan proses integrasi ekonomi serantau.